



PETIKAN AKHBAR

Peningkatan peratusan pekerja mula bekerja, antara bukti ekonomi beransur pulih – Tengku Zafrul

PETIKAN AKHBAR | 22 JULAI 2020



“Kita juga sudah jangkaan bahawa kadar pengangguran akan naik, tetapi apa yang lebih penting adalah samada langkah-langkah pembukaan ekonomi dan pengekalan pekerjaan mempunyai impak positif ke atas kadar pekerja yang kembali bekerja.”

Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz

BERNAMA

KUALA LUMPUR, 22 Julai – Laporan Jabatan Perangkaan Malaysia (DoSM) yang menunjukkan bahawa lebih kurang 12.7 juta atau 83.5 peratus pekerja telah mula bekerja sehingga 2 Jun, 2020, adalah antara bukti aktiviti ekonomi negara dan perkhidmatan beransur pulih, kata Menteri Kewangan Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz.

Data berkenaan menunjukkan peningkatan berbanding 10.2 juta atau 67.2 peratus pada 17 Mei 2020.

Selain itu, jelas beliau, data DoSM juga melaporkan jualan perdagangan borong dan runcit bagi bulan Mei 2020, meningkat sebanyak RM17.5 bilion atau 26.3 peratus kepada RM84.4 bilion, berbanding April 2020.

“Kita juga sudah jangkaan bahawa kadar pengangguran akan naik (5.3 peratus bagi Mei 2020 berbanding 5.0 peratus pada bulan April 2020), tetapi apa yang lebih penting adalah samada langkah-langkah pembukaan ekonomi dan pengekalan pekerjaan mempunyai impak positif ke atas kadar pekerja yang kembali bekerja,” katanya.

Beliau menjelaskan demikian dalam Laporan Laksana Ke-14, Pelaksanaan Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN) & Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA).

Mengulas mengenai isu semasa dalam menangani impak COVID-19 kepada ekonomi, Tengku Zafrul turut memetik laporan Global Economic Prospects June 2020 (World Bank Group).

Laporan itu menyatakan selain Thailand, Malaysia diiktiraf sebagai salah sebuah negara yang melaksanakan pakej sokongan ekonomi yang luar biasa, yang memfokuskan kepada kesejahteraan dan kesihatan awam, penyediaan penjagaan, jaminan pinjaman, dan insentif perniagaan.

Bagaimanapun, Tengku Zafrul berkata adalah penting untuk menyedari bahawa Malaysia masih belum bebas sepenuhnya, dan negara perlu bersiap sedia menghadapi kemungkinan keadaan boleh bertambah buruk sebelum menjadi lebih baik.

Ini kerana, sebagai ekonomi terbuka, pemulihan negara juga sebahagiannya bergantung pada seberapa baik pemulihan ekonomi global.

“Bagaimanapun, dalam negara kita, kita mempunyai kawalan yang lebih terhadap sesuatu keputusan. Salah satu usaha yang boleh kita ambil ialah mendapatkan bantuan awal untuk membayar semula kewajipan kewangan kita, sekiranya kita rasa kita perlukan lebih masa untuk mengatur kewangan kita pada tahap yang lebih kukuh,” kata beliau.

Beliau menambah bantuan boleh diperoleh daripada institusi kewangan atau Agensi Kaunseling & Pengurusan Kredit (AKPK) untuk individu; Skim Penyelesaian Pinjaman Kecil (SDRS) untuk PKS; dan Jawatankuasa Penyusunan Semula Hutang Korporat (CDRC) untuk syarikat lebih besar.

[Bernama](#)

 [Siaran Media](#)

 [Koleksi Ucapan](#)

 [Petikan Akhbar](#)

 [Foto](#)

 [Video](#)

 [Pengumuman](#)

POPULAR TAGS

- [BERNAMA](#)
- [HARGA MINYAK](#)
- [PRICE OF PETROLEUM](#)
- [TENGKU ZAFRUL](#)
- [BANTUAN PRIHATIN NASIONAL](#)
- [KWSP](#)
- [I-SINAR](#)
- [SINAR HARIAN](#)
- [JELAJAH BELANJAWAN 2021](#)
- [PRIHATIN MOF](#)
- [PERMAI](#)
- [BERITA HARIAN](#)